

LAPORAN RINGKAS PENGANJURAN KURSUS BASIC COURSE ON MANAGING THREAT ON EXPLOSION AND INCENDIARY DEVICES (MTEID) SIRI 1 DAN 2 /2011

Unit Penguatkuasaan Kod ISPS, Bahagian Kawalan Industri, Ibu Pejabat Laut (IPL) telah menganjurkan 2 siri kursus Basic Course On Managing Threat On Explosion And Incendiary Devices (MTEID) bagi tahun 2011 dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan Jabatan Laut Wilayah Tengah dan Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia..

Kursus ini diadakan selaras dengan kehendak perundangan dibawah MSO 1952 serta peraturan yang ditetapkan di bawah ISPS Code.

Jumlah penyertaan bagi kedua-dua siri adalah seramai 145 orang yang terdiri daripada pegawai Jabatan Laut Wilayah, pihak berkuasa pelabuhan, kemudahan pelabuhan serta masyarakat perkapalan lain.

Butiran kursus adalah seperti berikut :

BIL	SIRI	TARIKH	LOKASI	JUMLAH PESERTA
1	Siri 1/2011	11-12 Oktober	ILPPPL	70 orang
2	Siri 2/2011	18-19 Oktober	ILPPPL	75 orang

Kaedah Penyampaian

Kursus diadakan secara kelas teori (ceramah dan juga power point presentation) di mana semua peserta kursus diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan penceramah . peserta juga didedahkan dengan jenis-jenis bom serta pengetahuan berkenaan bentuk ancaman sekuriti semasa serta demonstrasi penggunaan anjing pengesanan dalam operasi pemusnah bom. Penceramah terdiri daripada pegawai kanan Cawangan Khas, Unit Pemusnah Bom serta Unit Anjing Pengesanan. Senarai penceramah adalah seperti berikut:

1. ACP Normah binti Ishak - Unit Cawangan Khas
2. ASP Mohd Sa'ad bin Mat Nasib - Unit Pemusnah Bom
3. ASP Sathasivam a/I Maniam – Unit Anjing Pengesanan

Objektif Kursus

Setiap peserta yang telah menghadiri kursus ini dijangka untuk mampu menggalas tugas sebagai Pegawai Sekuriti Kemudahan Pelabuhan yang antara lain :

- Mengetahui bentuk ancaman sekuriti semasa
- Pelan tindakan yang perlu diambil sekiranya berdepan dengan ancaman bahan letupan
- Serta dapat memberi pendedahan kepada anggota keselamatan di pelabuhan masing-masing berkenaan pengurusan ancaman bahan letupan.

Sekian.